

14 pemilik dapat pampasan RM6 juta

Ada penghuni rumah terkesan menerima bayaran hampir RM1 juta

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**
KUALA LUMPUR

Seramai 14 pemilik rumah teres terjejas akibat isu pertikaian tanah sejak sekian lama di Jalan Bukit Desa, Taman Desa, menerima pampasan berjumlah kira-kira RM6 juta.

Menurut salah seorang pemilik rumah, Datuk Edmund Lim, setiap pemilik rumah menerima pampasan RM350,000 hingga RM950,000 selepas tanah mereka digunakan untuk membina jalan raya bagi kegunaan awam.

"Saya lega perkara ini akhirnya selesai. Walaupun saya lebih suka mendapatkan semula tanah saya, pampasan ini adalah satu-satunya penyelesaian terbaik.

"Saya harap ini menjadi peringatan kepada pihak berkuasa tempatan, pemaju dan pemilik tanah untuk mengamalkan usaha wajar dalam hal penggunaan tanah

FOTO: THE STAR



Lim (kanan) bersama dua pemilik rumah teres yang terjejas.

dan sempadan harta tanah," katanya menerusi laporan sebuah akhbar tempatan pada Selasa.

Menurut laporan akhbar berbahasa Inggeris itu, pampasan terbabit dikira berdasarkan persegi tanah, nilai pasaran semasa dan kos tambahan yang ditanggung mereka akibat kehilangan tanah.

Pembayaran dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah kemuncak pertikaian berlarutan yang menarik perhatian umum selepas Lim menyekat sebahagian jalan di hadapan rumahnya sebagai tanda protes.

Kes berkenaan membabitkan 21 lot di Jalan Bukit Desa termasuk 14 rumah teres. Isu berkenaan mula mendapat perhati-

an pada 2022 selepas Lim meletakkan bekas keluli di jalan selama dua minggu dan mengepung tapak itu menggunakan kon.

Pada masa itu, pihak DBKL meminta Lim menghapuskan halangan terbabit.

Berikutan itu, pada Oktober tahun lalu, Lim sekali lagi menyekat jalan raya menggunakan pengadang dan tanda pembinaan untuk menunjukkan berapa banyak tanah terjejas.

Beliau juga menghubungi juruukur tanah yang mengesahkan tanahnya adalah 1,009 kaki persegi lebih kecil daripada sepatutnya kerana kesilapan pengiraan oleh pemaju perumahan.

Selepas penduduk terjejas bertemu dengan DBKL pada Januari lalu, pihak berkuasa tempatan memulakan prosiding undang-undang pada Jun untuk mengambil alih bahagian tanah persendirian di lokasi jalan itu yang sudah dibina.

Namun, pada Oktober lalu, penduduk menerima notis anugerah pampasan daripada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP).

Sementara itu, dalam satu kenyataan, DBKL memaklumkan pihaknya telah mengemukakan permohonan pengambilan tanah melalui PTGWP untuk kelulusan.